

# Pencerahan mengenai hutang, tanggungan negara

UTUSAN MALAYSIA 08/08/2019 MUIS 17



**P**ADA 17 Julai lalu, saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas (JPK) Bajet telah membentangkan laporan mengenai hutang dan tanggungan kerajaan di Parlimen. Ia mengandungi 40 muka surat termasuk tiga muka surat lampiran.

JPK Bajet terdiri daripada tujuh orang ahli Parlimen iaitu Jeli (Pengerusi), Setiawangsa, Wangsa Maju, Kota Melaka, Bandar Kuching, Rembau dan Kapit; lima wakil kerajaan dan dua wakil pembangkang. Laporan ini dipersetujui oleh setiap ahli jawatankuasa selepas enam kali bermesyuarat. Ia bertujuan mencari titik pertemuan mengenai kontroversi jumlah hutang negara. JPK Bajet mengemukakan pendirian politik kepartian demi mencari kebenaran dalam isu jumlah hutang dan liabiliti negara.

Isu ini bukan senang untuk difahami kerana ia agak teknikal. Tidak menghairankan beberapa ulasan mengenai perkara ini tidak tepat, sama ada kerana laporan tidak dibaca sepenuhnya atau kurang memahami kandungannya.

Berani saya katakan bahawa dalam negara kita

Jadual 1:

**JUMLAH HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:**

TAHUN	JUMLAH
Akhir 2017	RM 686.8 billion
Akhir 2018	RM 741.0 billion
Jun 2019	RM 799.1 billion

kewangan negara. Ini dapat dilihat dari sudut nisbah khidmat bayar hutang atau bayaran bunga (faedah) berbanding belanja mengurus, nisbah defisit belanjawan berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan nisbah hutang dan tanggungan berbanding KDNK.

Seperti yang dapat dilihat di **Jadual 1**, adalah benar jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Jun 2019 adalah RM799.1 billion (meningkat daripada RM686.8 billion tahun 2017) manakala jumlah hutang dan tanggungan pada akhir 2018 adalah RM1,090.8 billion (**Jadual 2**).

JPK Bajet dimaklumkan bahawa selaras dengan keputusan melaksanakan kaedah akaun akruan yang diumumkan semasa pembentangan Rancangan Malaysia Ke-11 pada Mei 2015, dan selari dengan saranan pihak Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) pada 2011 dan 2014, kerajaan telah mengumpulkan bukan

Jadual 2:

**JUMLAH HUTANG DAN TANGGUNGAN PULA ADALAH SEPERTI BERIKUT:**

	RM billion	
	AKHIR 2017	AKHIR 2018
Hutang Kerajaan Persekutuan	RM686.8 billion	M741 billion
Jaminan Pinjaman Yang Ditanggung Kerajaan	RM102.1 billion	RM132.7 billion
1MDB	RM 38.3 billion	RM 32.2 billion
Projek Kerajaan Di Bawah Kaedah PPP, PFI, PBLT	RM260.1 billion	RM184.9 billion
Jumlah Hutang dan Tanggungan	RM1,087.3 billion	RM1,090.8 billion

DR 4 TAHUN 2019

PARLIMEN MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS  
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BAJET  
PENYATA PERTAMA SESI 2018-2020

**HUTANG DAN LIABILITI KERAJAAN**



DIPERINTAH OLEH DEWAN RAKYAT UNTUK DICETAK  
17 JULAI 2019

mengambil kira bayaran faedah untuk pinjaman yang dijamin oleh kerajaan, bayaran faedah untuk hutang 1MDB dan bayaran untuk projek di bawah PPP, PFI dan PBLT. Inilah antara sebabnya kenapa jumlah hutang termasuk liabiliti adalah lebih relevan dalam menilai beban hutang yang ditanggung oleh rakyat secara keseluruhannya.

Ada juga beranggapan bahawa liabiliti atau tanggungan bukan isu yang besar kerana ia merupakan 'jaminan atas kertas' dan tidak melibatkan perbelanjaan kerajaan. Hakikatnya, kerajaan telah mula membayar beberapa tanggungan ini dan ia secara langsung menambah beban kewangan kerajaan.

Berhutang adalah perlu bagi individu, syarikat dan kerajaan. Bank-bank memainkan peranan amat penting dalam pembangunan di seluruh dunia. Hampir kesemua negara di dunia berhutang. Yang penting bukan jumlah hutang tetapi kemampuan membayar balik. Alhamdulillah kerajaan ada kemampuan membayar balik hutang tetapi kerajaan perlu berhati-hati mengawal jumlah hutang dan beban hutang supaya ia tidak menjejaskan kemampuan melaksanakan tanggungjawab membangunkan negara. Ini adalah antara intipati lapan syor yang dibuat oleh JPK Bajet.

Penjelasan telah diberikan secara terperinci dalam laporan 40 muka surat

hanya sebilangan amat kecil yang memahami sepenuhnya konsep hutang dan tanggungan negara. Hutang dan tanggungan merangkumi empat komponen iaitu hutang langsung kerajaan; hutang yang dijamin kerajaan; hutang 1MDB serta tanggungan-tanggungan lain iaitu projek kerajaan yang dilaksanakan melalui kaedah Projek Kerjasama Awam-Swasta (PPP); Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dan Pembinaan Bina Pajak dan Pindah (PBLT).

Sebagai contoh, apabila saya menjamin pinjaman Mara anak kawan saya menyambung pelajaran di United Kingdom dan pelajar tersebut tidak dapat membayar pinjaman, saya harus menanggung hutang itu. Ini yang dimaksudkan hutang dan tanggungan. Saya bukan sahaja membayar hutang saya tetapi juga membayar hutang anak kawan saya.

Hutang dan tanggungan akan memberi kesan kepada

sahaja maklumat mengenai hutang tetapi tanggungan atau liabiliti. Kaedah akaun akruan adalah lebih tepat dalam menentukan tanggungan kerajaan secara keseluruhannya. Pada masa ini, kira-kira 80 daripada 189 buah negara yang menjadi ahli IMF telah pun melaksanakan sebahagian besar atau sepenuhnya kaedah akaun akruan.

Hutang dan tanggungan mengambil kira pinjaman yang dijamin yang perlu dibayar oleh kerajaan, pinjaman 1MDB dan projek-projek kerajaan yang dilaksanakan melalui kaedah PPP, PFI dan PBLT. Perkara 2, 3 dan 4 dalam jadual 2 di atas diambil kira dalam pengiraan liabiliti kerana kerajaan menanggung bayaran pokok dan faedah pinjaman serta beberapa bayaran lain kerana projek-projek ini tidak menjana pendapatan dan tidak mampu membayar balik pinjaman atau

### LAPORAN penuh *Hutang dan Liabiliti Kerajaan*.

tanggungannya. Ini termasuk projek-projek seperti tren MRT dan LRT di Lembah Klang; SRC International; Suria Strategic Energy Resources (saluran paip) dan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL). Sebagai contoh, antara tanggungan yang perlu dipikul oleh Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut :

- Bayaran sewa/pajakan dan caj penyelenggaraan bagi projek-projek di bawah PPP (seperti beberapa kampus UiTM dan pengurusan sisa pepejal)

- Bayaran pokok dan faedah bagi projek-projek PFI dan sewaan kepada PBLT (pembinaan beberapa buah sekolah, hospital, balai polis)

- Anggaran bayaran faedah hutang 1MDB sebanyak RM11.4 bilion dan bayaran pokok hutang sebanyak RM32.2 bilion. Setakat ini, Kementerian Kewangan

telah meminjamkan kira-kira RM9 bilion untuk membayar tanggungan 1MDB. Adalah benar 1MDB mempunyai aset, tetapi mengikut Kementerian Kewangan nilai aset ini adalah lebih rendah berbanding tanggungan 1MDB yang berjumlah RM52.6 bilion.

Dengan mengambil kira perkara 2, 3 dan 4 dalam Jadual 2, ini bermakna selain daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan menanggung beban tambahan. Umpamanya, nisbah khidmat bayar hutang atau bayaran faedah ke atas pinjaman yang terkandung di dalam laporan Kementerian Kewangan, *Tinjauan Fiskal dan Hasil 2019* adalah 13.1 peratus berbanding belanja mengurus kerajaan. Sebenarnya nisbah khidmat bayar hutang dan liabiliti adalah lebih tinggi daripada 13.1 peratus setelah

bertajuk *Hutang dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan*. Sila layari <https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2019-07-17/DR.4.2019%20-%20DR%204.2019.pdf> untuk mendapatkan laporan penuh.

Pencerahan kali ini dibuat dalam bahasa yang lebih mudah agar senang difahami. Kefahaman tentang perkara ini adalah penting kerana hutang dan tanggungan merupakan salah satu sebab kenapa kerajaan menghadapi kekangan dalam menguruskan kewangannya.

Perlu ditekankan sekali lagi bahawa laporan JPK Bajet bertajuk *Hutang dan Liabiliti* (atau tanggungan) dan bukannya hutang semata-mata. Perbezaan ini haruslah difahami.

### DATUK SERI MUSTAPA

**MOHAMED** ialah Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet Parlimen dan Ahli Parlimen Jeli.